

‘Usah abai aspek tatakelola, tadbir urus kejar teknologi’

PM mahu nilai kemanusiaan jadi pegangan jamin kemajuan untuk dinikmati bersama

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Cyberjaya: Usaha melaksanakan transformasi digital dan kecerdasan buatan (AI) tidak seharusnya mengabaikan aspek tatakelola, tadbir urus, integriti dan nilai kemanusiaan, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Mengambil iktibar masalah yang berlaku ketika era penswastaan dulu, Perdana Menteri berkata, penerapan teknologi baharu seharusnya berpaksikan prinsip ketelusan, kebertanggungjawaban dan keberhasilan menyeluruh kepada rakyat.

“Laporan badan antarabangsa termasuk United Nations University jelas menunjukkan wujudnya fenomena *AI Productivity Paradox*, iaitu pelaburan besar terhadap teknologi digital dan AI, tetapi tidak membawa kepada peningkatan ketara produktiviti.

“Kita tidak mahu mengulangi kesilapan masa lalu ketika projek penswastaan, konon untuk lebih cekap dan menjimatkan, tetapi akhirnya terpaksa diselamatkan kerajaan dengan kos tinggi kerana tadbir urus yang lemah,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perasmian Fakulti Kecerdasan Buatan dan Kejuruteraan Universiti Multimedia (MMU) di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Ko-



Anwar beramah mesra dengan pelajar ketika melawat reruai pada Majlis Perasmian Fakulti Kecerdasan Buatan dan Kejuruteraan, MMU di Cyberjaya, semalam.

(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

munikasi, Datuk Fahmi Fadzil; Menteri Digital, Gobind Singh Deo dan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir.

Pelaksanaan perlu seimbang
Anwar berkata, pelaksanaan teknologi digital harus diseimbangkan dengan pendekatan yang mengambil kira keadilan sosial dan nilai kemanusiaan supaya jurang kesenjangan bandar, luar bandar, kaya dan miskin serta akses pendidikan tidak terus melebar.

“Kita mesti *raise the ceiling* iaitu meningkatkan keupayaan teknologi negara, tetapi dalam masa sama *raise the floor* supaya rakyat bawah turut menerima manfaatnya.

“Tanpa tatakelola baik, hasilnya hanya menguntungkan segelintir. Sebagai contoh penswastaan Malaysia Airlines dulu, diwastakan dengan kaedah yang tidak telus, lingkup berbillion,

baru dalam dua tiga tahun ini naik semula,” katanya.

Beliau berkata, penswastaan tanpa proses yang telus atau tatakelola baik menyaksikan syarikat diberi kepada kroni atau keluarga seperti pernah disebut oleh bekas Ketua Pembangkang, Lim Kit Siang dahulu sebagai *privatisation*.

“Akibatnya apa? Banyak syarikat yang umumnya diberikan dengan harapan memberi faedah kepada negara dan rakyat, akhirnya terpaksa ditampung oleh kerajaan kerana kerugian besar dan menjadi beban hutang yang besar yang harus dilangsaikan oleh rakyat.

“Sebab itu apa pun yang disebut *computerisation, digital transformation, AI*, prinsip tadbir urus yang baik ini mesti diperlukan,” katanya.

Sementara itu ketika menyampaikan amanat pada Perhimpunan Bulanan Jabatan Perdana

Menteri di Putrajaya pagi semalam, Anwar mengingatkan jentera kerajaan supaya tidak terperangkap dalam fenomena *AI Productivity Paradox* sehingga memberi kerugian kepada negara.

Perdana Menteri berkata, *AI Productivity Paradox* ialah pelaburan besar dalam AI dan digitalisasi, namun tidak menghasilkan pulangan serta produktiviti seperti diharapkan dalam melaksanakan transformasi digital negara.

“Saya harap ini (*AI Productivity Paradox*) diberikan perhatian khusus di Kementerian Digital, Kementerian Komunikasi dan ketua-ketua jabatan.

“Kita tidak mahu perkara ini berlaku kerana andaian yang dibuat dengan dana besar (untuk) seluruh program transformasi digital serta AI ini mencecah puluhan bilion ringgit untuk lima tahun akan datang,” katanya.